

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMPAU]

TARIKH SOALAN : 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sejauh manakah tahap persediaan Kementerian dalam membina dan mempersiapkan pelan ekosistem utama dan sokongan bagi industri kereta terbang di Malaysia memandangkan prototaip pertama kereta terbang pertama negara dijangka dilancarkan pada suku keempat tahun 2019 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian telah mengenal pasti industri *air mobility* sebagai salah satu *game changer* yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Industri ini mempunyai potensi yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa terutama dalam sektor infrastruktur, keselamatan, pertanian dan lain-lain. *air mobility* ini mengaplikasikan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Big Data*, *Mobility* dan *Internet of Things* yang sedang berkembang pesat terutamanya di peringkat antarabangsa.

2. Sehingga kini, terdapat reka bentuk kenderaan *air mobility* yang telah dicadangkan kepada Kementerian dan pembangunan prototaip dengan penumpang sedang giat dijalankan dan dijangka akan dilancarkan pada penghujung tahun 2019. Projek ini akan diterajui oleh sektor swasta dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat tempatan.

NO. SOALAN: 2

Projek ini tidak melibatkan sebarang peruntukan daripada Kerajaan dan Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kerugian sekiranya projek ini tidak berjalan seperti yang dirancang.

3. Majlis Pembangunan Negara pada 20 Disember 2018 telah mengenal pasti Cyberjaya sebagai platform *test-bed* untuk menguji teknologi dan inovasi baharu termasuk *autonomous*, *drone* dan *air mobility*. Platform *test-bed* ini akan memastikan wujudnya ekosistem yang kondusif bagi pembangunan *air mobility* di Malaysia.

4. Pada tahun 2016, Forum Ekonomi Dunia menjangkakan bahawa *air mobility* akan dijadikan mod utama pengangkutan menjelang tahun 2030 dan laporan PriceWaterhouseCoopers menganggarkan bahawa nilai industri Mobiliti Udara dijangka meningkat sebanyak US\$127 bilion menjelang tahun 2020. Di Malaysia, pembangunan *air mobility* akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan negara bersedia memenuhi keperluan industri menjelang tahun 2030.

5. Kementerian telah mengadakan penyelarasan untuk membincangkan hala tuju dan keperluan industri *Air Mobility* bersama Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan sesi libat urus pada 5 September 2019 bersama agensi-agensinya pelaksana untuk merangka dasar, perlesenan dan garis panduan bagi memastikan kelancaran pembangunan ekosistem industri *air mobility*.

Sekian, terima kasih.